

PBT Pengerang kini dikenali sebagai MPP

BH ONLINE / BERITA / RABU 1 JANUARI 2020



JOHOR BAHRU: Kerajaan Johor hari ini memaklumkan status Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Pengerang dinaik taraf dan dikenali sebagai Majlis Perbandaran Pengerang, berkuatkuasa hari ini.

Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Kesejahteraan Bandar dan Alam Sekitar negeri, Tan Chen Choon, berkata langkah menaik taraf status perbandaran itu sudah diputuskan menerusi Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Johor pada 24 Oktober 2018, disusuli persetujuan dicapai Kabinet pada 8 November tahun lalu.

Katanya, sehubungan itu, tempoh pentadbiran Johor Corporation (JCorp) ke atas PBT Pengerang ditamatkan semalam.

"Justeru, Majlis Perbandaran Pengerang kini memerlukan barisan Ahli Majlis sebagaimana yang tertakluk mengikut Seksyen 10 Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) bagi memastikan kelancaran urusan pentadbiran Majlis Perbandaran berkenaan.

"Susulan itu, MMK pada 11 Disember lalu sudah mengambil ketetapan supaya proses perlantikan itu dilaksanakan secara berperingkat.

"Sebagai permulaan, seramai 10 Ahli Majlis akan membarisi pentadbiran MPP bagi tempoh 1 Januari 2020 hingga 31 Disember 2021, manakala bakinya akan dilantik pada masa terdekat, yang akan diumumkan dari semasa ke semasa," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Chen Choon berkata beliau berharap langkah menaik taraf MPP sebagai PBT ke-16 di Johor akan mewujudkan pembangunan dan perbandaran yang mampan serta mensejahterakan masyarakat setempat.

"Saya juga ingin mengucapkan tahniah dan selamat maju jaya kepada warga MPP dan Ahli Majlis yang dilantik serta berharap Pengerang akan terus membangun secara mampan," katanya.